

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI KHAMIS : 23 MAC 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @TEO KOK
CHEE
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang sedang dan bakal dilakukan oleh Kerajaan mengenai isu-isu perlindungan hak asasi manusia khususnya kepada pelarian yang tiba di Malaysia.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH,
SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia tidak mengiktiraf keberadaan pelarian dan pemohon suaka di dalam negara memandangkan Malaysia bukanlah Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan pelarian dan pemohon suaka yang mendapat perlindungan antarabangsa melalui Pejabat UNHCR di Malaysia untuk tinggal sementara di negara ini sementara menunggu proses untuk pulang atau ditempatkan ke negara ketiga oleh pihak UNHCR.
2. Pada masa ini pelarian yang mempunyai Kad UNHCR yang sah ini dibenarkan bergerak bebas dalam Semenanjung Malaysia dan tidak ditempatkan di kem atau penempatan khas. Mereka juga dibenarkan untuk mendapatkan rawatan di klinik kerajaan dengan kadar caj 50% daripada bayaran yang dikenakan terhadap warga asing yang sah. Selain daripada klinik di Kedah (Sungai Petani), Johor (Kota Tinggi), Selangor (Ampang, Kajang dan Selayang), pemegang kad UNHCR ini juga boleh mendapatkan rawatan di klinik-klinik statik dan bergerak yang dilaksanakan melalui bantuan dana *Qatar Fund For Development* (QFFD). Anak-anak golongan ini juga dibenarkan untuk mendapatkan pendidikan asas di Pusat Bimbingan Alternatif

NO SOALAN: 13

(Alternative Learning Center-ALC) yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan, komuniti pelarian, Institusi Pendidikan Swasta dan UNHCR.

3. Pelarian ini juga tertakluk untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, enakmen dan dasar yang sedia ada bagi menjamin hak asasi manusia di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah kerugian yang bakal ditanggung oleh MAS berhubung 6 buah kapal terbang A380 kepunyaan MAS yang akan dijual.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Aviation Group (MAG) telah melaksanakan penstrukturan semula hutang syarikat pada tahun 2020 yang melibatkan lebih 70 pemiutang termasuk pemajak pesawat. Dalam penstrukturan semula hutang ini, kesemua kerugian telah diambil kira secara holistik termasuk keputusan untuk menjual kesemua enam (6) buah pesawat A380 tersebut.

2. Oleh itu, tiada kerugian tambahan yang ditanggung oleh MAG berikutan pelupusan kesemua pesawat A380 tersebut daripada inventori MAG pada bulan Disember 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang serta pelan tindakan khusus untuk sektor pelancongan Malaysia bagi menyambut kedatangan pelancong asing khusus buat Sabah.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama-sama penggiat industri telah menambahbaik pelan pemulihan sedia ada dan membangunkan Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan 2.0 atau TRF 2.0 yang menggariskan rangka tindakan komprehensif bagi menentu ukur dan membangunkan semula industri pelancongan agar lebih kukuh dan lebih berdaya tahan (*resilient*) di samping menyumbang kepada pembangunan keseluruhan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup secara mampan (*sustainable*). Pelan ini merupakan strategi utama kementerian bagi tempoh jangka pendek dan sederhana serta menyokong Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030.

2. Manakala, Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 pula merupakan strategi jangka masa panjang yang memfokuskan kepada usaha-usaha meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat, mengukuhkan daya tahan dan kemampuan industri pelancongan negara serta kesediaan mengharungi ketidaktentuan masa depan.

3. Selanjutnya, pelbagai usaha turut dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke Sabah, antaranya adalah:

- i) Tourism Malaysia bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha hotel dan resort di Sabah dan Labuan untuk menjual bilik-bilik penginapan semasa '*low period*' dan terbuka kepada warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang bermastautin di negara ini termasuk pelancong asing. Sebanyak 16 pakej percutian telah dibangunkan oleh 12 hotel dan resort di Sabah dan Labuan. Pakej-pakej ini dilancarkan pada bulan Februari 2023 di The Curve Mall bersempena dengan program Jalan Cuti-Cuti Malaysia *Roadshow* pada 24 hingga 26 Februari 2023. Tempoh sah laku pakej ini adalah sehingga 31 Disember 2023;
- ii) Syarikat Penerbangan MASwings bekerjasama dengan Tourism Malaysia untuk mempromosikan destinasi pelancongan di Borneo terutamanya di Sabah dan Sarawak yang mana MASWings mempunyai laluan penerbangan. Satu konsortium akan ditubuhkan dengan beberapa agensi pelancongan yang terpilih untuk menjual pakej-pakej pelancongan tersebut. Sasaran utama adalah semua warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang berada di negara ini termasuk pelancong asing. Pakej ini akan dilancarkan pada suku ketiga tahun 2023 dan tempoh sah lakunya adalah untuk satu tahun sahaja; dan

iii) aktiviti promosi jerayawara (*roadshow*) ke sekolah-sekolah antarabangsa, universiti-universiti dan kedutaan-kedutaan besar di Semenanjung Malaysia oleh Tourism Malaysia dengan kerjasama Sabah Tourism Board (STB) dan Perbadanan Labuan. Ia mempromosikan destinasi dan produk pelancongan berasaskan pelancongan luar bandar dan komuniti serta pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan kepada para pelajar dan ibu bapa, guru, dan pensyarah. Program ini akan dijalankan pada suku kedua 2023.

4. Selain itu, bagi memastikan kemudahan infrastruktur di lokasi-lokasi pelancongan berada dalam keadaan terbaik untuk manfaat para pelancong tempatan dan luar negara, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan lebih daripada RM65.6 juta bagi melaksanakan 41 projek pembangunan kepada Sabah semasa Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) sehingga Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Ke-Duabelas (RP3, RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 23 MAC 2023**

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) status Permohonan Kad Kelahiran lewat di Sarawak pada tahun 2020 hingga kini yang dipecahkan mengikut jumlah permohonan mengikut kawasan, bangsa, jumlah yang sudah diluluskan, jumlah yang masih dalam pertimbangan dan jumlah yang ditolak; dan

(b) adakah Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) akan diteruskan secara menyeluruh.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mengeluarkan Kad Kelahiran Lewat di Sarawak. Meskipun begitu, bagi kelahiran yang didaftarkan melebihi tempoh yang ditetapkan, JPN akan mendaftarkan kelahiran tersebut di bawah urusniaga Pendaftaran lewat kelahiran dan sijil pendaftaran lewat kelahiran akan dikeluarkan.

Berdasarkan rekod JPN, jumlah permohonan Pendaftaran Lewat Kelahiran di Sarawak mulai tahun 2020 sehingga tahun 2022 adalah sebanyak **2500 permohonan**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **1738 permohonan** telah diluluskan, **91 permohonan** ditolak dan **671 permohonan** masih dalam pertimbangan.

- b) Program MEKAR Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah signifikan dalam menyuburkan sifat ihsan, peduli dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat demi mewujudkan kesejahteraan rakyat. Melalui perkhidmatan yang ditawarkan, ia dapat memenuhi keperluan rakyat tanpa mengira status, bangsa dan agama. Berteraskan kepada aspirasi Kerajaan dalam mendokong Malaysia MADANI ini juga, inisiatif MEKAR akan terus diperkasa dan JPN komited dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat tanpa mengira latar belakang dan keberadaan mereka di seluruh negara.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 23 MAC 2023**

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah khusus yang diambil Kementerian bagi membendung isu kenaikan harga barangan keperluan harian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kenaikan harga sesuatu barang dipengaruhi oleh pelbagai faktor-faktor ekonomi seperti permintaan dan penawaran, faktor-faktor global seperti kenaikan harga input barangan yang diimport serta pergerakan nilai matawang.

Namun begitu, Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengawal kenaikan harga barang, antara lain dengan mengadakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dengan tujuan menetapkan harga maksimum untuk barangan keperluan bagi tempoh masa tertentu.

Kementerian turut melaksanakan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam dengan menetapkan harga maksimum bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua item penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini.

Kementerian juga turut memperkenalkan Menu Rahmah di mana inisiatif peniaga-peniaga membantu kerajaan dengan menjual makanan tengahari yang lengkap pada harga RM5.00 dan ke bawah. Menu Rahmah adalah hidangan seimbang merangkumi nasi, satu pilihan protein iaitu ayam atau ikan dan sayuran yang ditawarkan untuk membantu golongan yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup ketika ini.

NO SOALAN: 17

Kerajaan juga masih meneruskan pemberian subsidi minyak masak paket 1 kg dimana pengguna dapat membelinya dengan harga RM2.50 sepaket. Disamping itu, Kerajaan terus membantu masyarakat dengan menetapkan harga siling bagi Minyak Masak Kelapa Sawit Tulen Kemasan Botol pada harga RM6.90(1kg), RM13.30(2kg), RM19.60(3kg) dan RM30.90(5kg) bermula Februari 2023.

Kementerian sentiasa bekerjasama rapat dengan kementerian lain terutamanya MAFS dalam memastikan pengeluaran dan bekalan makanan dan barang keperluan pada harga yang stabil. Libat urus berterusan dengan industri, pengeluar, pengimport, pemborong, peruncit, persatuan pengguna dan lain-lain pihak berkaitan, tetap dijalankan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING
TARIKH : 23 MAC 2023

PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa dasar pembangunan luar bandar adalah mampan dan saksama dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memantau dan menilai impak dasar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB) yang mengandungi 10 teras utama memberikan optik yang jelas tentang hala tuju dan fokus Kerajaan bagi mencapai matlamat luar bandar sejahtera.

Teras 8 DPLB berkaitan Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Berkesan menekankan sistem pengurusan luar bandar mesti mempunyai misi yang jelas, mengamalkan tadbir urus yang baik (*good governance*) dan mempunyai mekanisme perancangan, pelaksanaan, pengawasan, pemantauan dan penilaian yang mantap. Penyelarasan, sinergi dan koordinasi yang terancang antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri juga penting bagi melicinkan tadbir urus di luar bandar.

Mekanisme penyelarasan pelaksanaan program/projek pembangunan termasuk di luar bandar di peringkat persekutuan adalah melalui platform tertinggi Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN) yang di penguruskan oleh YAB Perdana Menteri dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN) yang melaksanakan keputusan MTPN.

Di peringkat Kementerian pula Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) bertindak memastikan semua keputusan MPTN dan JPTN dilaksanakan sepenuhnya di peringkat kementerian. MTPK turut berperanan mencari jalan penyelesaian ke atas isu dan masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah kementerian serta isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

NO SOALAN: 18

Selain MTPN, JPTN dan MTPK, KKDW juga melaksanakan libat urus berterusan bersama pemegang taruh terutamanya agensi dan kerajaan negeri.

Terdapat 2 platform penyelarasan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh KKDW iaitu Mesyuarat Penyelarasan Menteri Kemajuan Desa Bersama Exco Luar Bandar (MEXCLUB) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bersama Perancangan Dan Pemantauan Projek KKDW Bersama Kerajaan Wilayah Sabah dan Sarawak (JTB – Sabah Sarawak).

Selain itu, Bengkel Halatuju Strategik KKDW yang diadakan pada 10-12 Februari 2023 telah menggariskan keperluan untuk mewujudkan sinergi di antara struktur di bawah KKDW dan agensi-agensi agar tidak berlaku pertindihan yang akan menghasilkan ketirisan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK NORAINI IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah peranan Setiausaha Parlimen yang disebut dalam Perkara 43B Perlembagaan Persekutuan akan dihidupkan semula dengan beberapa modifikasi dilakukan terhadap fungsi tugas serta piawaian pelantikan agar peranan tersebut boleh memberi nilai tambah kepada perencanaan reformasi Parlimen tanpa terlalu membebankan kewangan Kerajaan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan juga komited dalam pelaksanaan reformasi institusi Parlimen dengan mewujudkan semula perkhidmatan Parlimen bagi merealisasikan hasrat pengasingan kuasa di antara Badan Legislatif dan Badan Eksekutif. Pada ketika ini, Kerajaan sedang mengkaji keperluan untuk menggubal Akta Perkhidmatan Parlimen untuk menjadikan perkhidmatan Parlimen yang berasingan daripada perkhidmatan awam.

2. Beberapa perkara dasar berhubung penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen sedang dimuktamadkan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.
MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH
TARIKH : 23 MAC 2023

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan yang menganggur di seluruh negara dan nyatakan apakah punca-punca pengangguran serta strategi oleh Kementerian untuk mengatasi situasi pengangguran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian adalah seperti berikut:
 - i. Seramai 41,161 orang atau 13.8 peratus daripada 298,551 graduan warganegara pada tahun 2019;
 - ii. Seramai 40,550 orang atau 15.6 peratus daripada 260,701 graduan warganegara yang menamatkan pengajian pada tahun 2020; dan
 - iii. Seramai 41,467 orang atau 14.5 peratus daripada 286,299 graduan warganegara pada tahun 2021.
2. Data-data ini adalah khusus bagi setiap tahun dan tidak bersifat kumulatif atau terkumpul dari tahun-tahun sebelumnya.
3. Berhubung perkara ini, laporan "*Fresh Graduate Adversities: A Decade's Insight on the Graduate Tracer Study*" oleh *Khazanah Research Institute* (KRI) menyebut bahawa antara faktor yang menyumbang ke arah pengangguran dalam kalangan graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah disebabkan graduan tidak memiliki kompetensi atau kemahiran yang diperlukan oleh industri atau lebih dikenali sebagai '*skills mismatch*'.

4. Justeru itu, dalam menangani isu graduan menganggur atau tidak bekerja ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan bagi memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai (*multi talents and skills*) dapat diberikan kepada mereka.
5. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
- i. **Pelaksanaan semakan dan penambahbaikan kurikulum secara berkala dalam tempoh tiga (3) sehingga lima (5) tahun.** Semakan ini adalah bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan memenuhi keperluan industri. Selain itu, semakan ini juga dapat membantu pelajar yang mengambil bidang berkenaan mempunyai daya saing serta kebolehpasaran yang tinggi sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian.
 - ii. **Pengukuhan sinergi kerjasama bersama industri** dalam usaha untuk memperkasa graduan melalui pelaksanaan program-program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, *Industry on Campus (IOC)*, *Industry Education Centre*, 2u2i, Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri. Program-program ini bertujuan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan keperluan industri semasa.
 - iii. **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan IPT dengan kerjasama PERKESO menerusi portal *MyFutureJobs*.** Inisiatif ini diteruskan bagi memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang

bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Bagi tahun 2022, seramai 104,426 orang graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs*.

- iv. Pembangunan modul *JobMatching@GREat* bagi melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan menggunakan teknologi terkini. Modul ini dibangunkan menerusi Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau GREaT yang boleh dicapai di laman web Kementerian. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikawal selia oleh Kementerian. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya padanan dilakukan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan masyarakat Siam yang berjaya menukar keterangan keturunan mereka daripada Thai kepada Siam sejak tahun 2017. Apakah perancangan Kementerian, selain program MEKAR, untuk membantu kesemua 8910 orang masyarakat Siam yang didapati layak oleh Kementerian (untuk menukar keterangan keturunan mereka) untuk berbuat demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menyelesaikan sebanyak **9687** penukaran maklumat keturunan dari Thai kepada Siam.

Pada 5 September 2022, Kerajaan secara rasmi membenarkan pertukaran status individu yang berketurunan Thai di dalam sijil lahir mereka sebelum ini kepada keturunan Siam secara automatik. Sehubungan itu, berikut merupakan program MEKAR Komuniti yang telah diadakan bersama masyarakat Siam:-

Bil.	Tarikh	Program
1.	5 Sep 2022	Program Bersama Masyarakat Siam di Jabatan Penjara Malaysia, Mata Ayer, Perlis.
2.	30 Jan 2023 hingga 31 Jan 2023	Program MEKAR Komuniti Siam di Dewan Perpaduan Kampung Terbuk, Tumpat, Kelantan
3.	02 Feb 2023	Program MEKAR Komuniti Siam di Dewan Serbaguna Kg Baru Tasek, Pengkalan Hulu Perak

Selain daripada Program MEKAR, pemohon boleh terus hadir ke mana-mana Pejabat JPN seluruh negara untuk membuat penukaran dari keturunan Thai kepada Siam mengikut bukti dan juga kelayakan setiap pemohon. Dalam hal ini, JPN telah memberi pengecualian bayaran Gantian Kad Pengenalan bagi individu-individu yang dikenalpasti rekod Daftar keturunannya berbeza dari rekod asal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG
TARIKH : 23 MAC 2023

DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan masalah kos sara hidup yang kini mencapai tahap membimbangkan. Apakah pelan khusus oleh Kementerian bagi menangani krisis ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan sentiasa peka dengan kesan yang dihadapi oleh rakyat akibat kenaikan kos sara hidup. Sehubungan itu, Kerajaan buat masa ini terus mengekalkan pemberian subsidi ke atas beberapa barang keperluan asas. Dasar pemberian subsidi pada kadar yang munasabah membantu rakyat dalam menangani kos sara hidup .

Selain itu, bagi meringankan beban rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga barang, Kerajaan melaksanakan beberapa Langkah bersifat *low hanging fruit* seperti Menu Rahmah, pemberian bakul Rahmah kepada golongan B40, jualan Rahmah serta program-program bersifat bantuan terus kepada golongan yang terkesan.

Kerajaan juga menggunakan strategi menangani kenaikan kos sara hidup melalui peningkatan pendapatan rakyat. Sehubungan itu, beberapa inisiatif di bawah KPDN adalah bersifat penciptaan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan baharu diperkenalkan dan sedang berjalan. Antara program tersebut ialah Program Francais Mikro dan Francais Mampu Milik dan peniagaan jualan langsung yang mempunyai potensi sangat besar untuk berkembang pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan pelaksanaan Komuniti Keluarga Malaysia yang ditubuhkan sebelum ini sebagai platform untuk menerapkan serta memupuk nilai-nilai murni dan kenegaraan bagi merealisasikan aspirasi dan hala tuju negara atau akan menukar dengan akronim lain yang lebih sesuai dengan Kerajaan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi Digital (KKD) menerusi Jabatan Penerangan Malaysia (JaPEN) berhasrat untuk melaksanakan penstrukturan semula Komuniti Keluarga Malaysia kepada Komuniti Malaysia MADANI. Ia susulan daripada pelancaran Konsep Malaysia MADANI oleh YAB Perdana Menteri ke-10 pada 19 Januari 2023 yang berasaskan kepada enam (6) tonggak dasar negara iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Bagi merealisasikan konsep Malaysia MADANI, Kementerian bercadang untuk menjenamakan semula 1,878 Komuniti Keluarga Malaysia sedia ada kepada Komuniti Malaysia MADANI yang akan menjadi platform kesinambungan pelaksanaan serta pemboleh daya (*enabler*) kepada konsep dan program-program Malaysia MADANI sehingga ke peringkat akar umbi. Objektif penjenamaan semula adalah seperti berikut:

- (i) menerapkan nilai dan tonggak Madani dalam kalangan masyarakat melalui komuniti;
- (ii) memantapkan usaha pemasaran maklumat dan hebahan kerajaan kepada rakyat serta menangani berita palsu di peringkat akar umbi;
- (iii) memperkasa komuniti setempat melalui peningkatan literasi dalam bidang ekonomi digital; dan

- (iv) memupuk serta mengukuhkan semangat patriotik, perpaduan, keharmonian dan cintakan negara dalam kalangan komuniti pelbagai kaum berteraskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Penubuhan Komuniti Malaysia MADANI ini juga bertujuan untuk memasar dan menyebarkan luas konsep Malaysia MADANI agar difahami dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat dan menjadi platform kesinambungan pelaksanaan program Malaysia MADANI sehingga ke peringkat akar umbi. Walau bagaimanapun, penubuhan Komuniti Malaysia MADANI ini adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 23 MAC 2023**

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI KESIHATAN** bilakah akan bermula penguatkuasaan permulaan peraturan baru kawalan penjualan rokok dan vape selain inisiatif kerajaan mewujudkan cukai pada belanjawan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 telah dibentangkan untuk bacaan pertama dan bacaan kedua pada Ogos 2022. Rang Undang-Undang ini seterusnya telah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi penelitian lanjut.
2. Syor-syor berkaitan isu-isu yang dibangkitkan telah dicadangkan dan dipersetujui di bawah jawatankuasa ini sebagaimana Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas yang disiarkan pada 5 Oktober 2022. Walau bagaimanapun, pembentangan RUU ini telah tertangguh susulan pembubaran Parlimen pada Oktober 2022.
3. KKM telah meneliti semula semua syor-syor ini dan berhasrat untuk meneruskan RUU dengan pindaan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut. Proses untuk mengangkat semula RUU ini sedang dilaksanakan dan akan disegerakan memandangkan kerajaan bercadang untuk mengenakan duti eksais kepada cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin sebagaimana pengumuman Belanjawan 2023. KKM menyasarkan aktiviti penguatkuasaan dan kawalan terhadap produk merokok melalui RUU ini dapat dilaksanakan pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dan usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam membantu pencarum KWSP meningkatkan kembali kadar dividen yang diterima mereka setelah beberapa kali siri pengeluaran dilakukan bagi memastikan simpanan waktu tua mereka terus terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B Senator, objektif pelaburan KWSP sebagai sebuah dana persaraan jangka panjang adalah untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli melalui pengisytiharan kadar dividen yang stabil dan mampan. Keupayaan KWSP untuk mengisytihar dividen dalam sesuatu tahun adalah bergantung kepada keadaan pasaran modal, persekitaran ekonomi dan strategi pelaburan KWSP. Sasaran strategik KWSP adalah untuk mengisytihar dividen pada kadar tidak kurang daripada 2.5% setahun sepertimana diperuntukkan dalam Akta KWSP 1991.

Untuk memastikan KWSP boleh mencapai sasaran strategik tersebut, pelaburan KWSP mempunyai strategi pelaburan jangka panjang berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang mengalokasikan aset secara optimal dengan mengambil kira had toleransi risiko KWSP sebagai sebuah dana simpanan persaraan. SAA ini akan dikaji setiap 3 tahun bagi memastikan jangkaan pulangan dan risiko adalah relevan dengan situasi dan keadaan pasaran modal semasa, perubahan polisi, regulatori, perakaunan dan bekalan aset di pasaran.

SAA yang diguna pakai bersama-sama dengan rangka kerja risiko yang komprehensif telah terbukti berdaya tahan dan dinamik dalam mengambil kira ketidakpastian pasaran saham dan ekonomi serta keadaan portfolio pelaburan KWSP.

NO SOALAN: 25

Untuk makluman Y.B Senator juga, jumlah kadar dividen yang diterima ahli juga adalah tertakluk kepada baki simpanan ahli yang bergantung kepada *trend* caruman dan pengeluaran oleh ahli. Caruman yang konsisten dan pengeluaran yang hanya dilaksanakan untuk tujuan yang berpatutan akan membantu ahli membina semula baki simpanan persaraan mereka dengan lebih pantas. Namun, KWSP kekal komited untuk terus memberi pulangan yang kompetitif kepada para pencarum dalam usaha meningkatkan baki simpanan persaraan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perincian pecahan terkini pendapatan isi rumah rakyat Malaysia mengikut kaum, negeri dan kumpulan pendapatan serta menjelaskan rancangan pembangunan ekonomi yang telah dikenal pasti untuk membantu mempertingkatkan status ekonomi rakyat termiskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik pendapatan isi rumah mengikut etnik, negeri dan kumpulan pendapatan adalah berdasarkan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) tahun 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Survei ini dilaksanakan sebanyak dua kali dalam tempoh lima tahun. HIES & BA 2022 akan diterbitkan pada pertengahan tahun 2023.
2. Pendapatan purata isi rumah peringkat nasional terkini berdasarkan HIES & BA 2019 adalah Bumiputera pada RM7,093, etnik Cina pada RM9,895, etnik India pada RM8,216 dan etnik-etnik lain pada RM5,933.
3. Berikutan pandemik COVID-19 dan cabaran ekonomi, DOSM telah menerbitkan laporan Anggaran Pendapatan dan Kemiskinan pada tahun 2020. Pendapatan purata isi rumah peringkat nasional menurun kepada RM7,089 pada tahun 2020 daripada RM7,901 pada tahun 2019.

4. Pendapatan purata isi rumah mengikut negeri pada tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Negeri	2019	2020 (Anggaran)
	Purata (RM)	Purata (RM)
MALAYSIA	7,901	7,089
Johor	8,013	7,264
Kedah	5,522	5,005
Kelantan	4,874	4,411
Melaka	7,741	7,186
Negeri Sembilan	6,707	6,184
Pahang	5,667	5,144
Pulau Pinang	7,774	6,850
Perak	5,645	5,081
Perlis	5,476	4,971
Selangor	10,827	9,668
Terengganu	6,815	6,051
Sabah	5,745	5,215
Sarawak	5,959	5,087
W.P. Kuala Lumpur	13,257	11,728
W.P. Labuan	8,319	7,333
W.P. Putrajaya	12,840	12,322

5. Pada tahun 2019, jumlah isi rumah Malaysia adalah sebanyak 7.28 juta. Pada masa ini, isi rumah dikelaskan kepada tiga kategori kumpulan pendapatan utama iaitu B40, M40 dan T20. Kategori kumpulan pendapatan tersebut dan had pendapatan masing-masing serta jumlah isi rumah adalah seperti berikut:
- a. B40 adalah kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM4,850 meliputi 2.91 juta isi rumah;
 - b. M40 adalah kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan dengan pendapatan bulanan di antara RM4,850 hingga RM10,959 meliputi 2.91 juta isi rumah; dan
 - c. T20 adalah kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi, dengan pendapatan bulanan RM10,960 dan ke atas meliputi 1.46 juta isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) telah menggariskan beberapa strategi jangka sederhana dan panjang untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan. Antaranya meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup golongan miskin tegar, B40 dan M40, menambah baik akses kepada kemudahan dan perkhidmatan penting, mengukuhkan mekanisme penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah selari dengan prinsip Ihsan dalam Kerangka Dasar MADANI.

7. Berdasarkan Bajet 2023 yang telah dibentangkan pada 24 Februari 2023, sejumlah RM3.6 billion diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Pembangunan (DE) untuk projek-projek pembaikan luar bandar dan program-program pembasmian kemiskinan. Ini termasuklah:
- Program dan projek ekonomi seperti program keusawanan dan projek pertanian;
 - Projek pembinaan rumah mampu milik;
 - Pembaikan rumah di bandar dan luar bandar; dan
 - Projek pembinaan dan naik taraf infrastruktur seperti jalan dan bekalan air
8. Di samping itu juga, Kementerian Ekonomi telah melancarkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) untuk meningkatkan status ekonomi rakyat khususnya golongan miskin tegar dan kumpulan B40. Di bawah IPR, sebanyak tiga (3) inisiatif rintis telah diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).
9. Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara Kerajaan, rakyat dan rakan-rakan strategik melalui *whole-of-nation approach* merentasi ekosistem rantai nilai dalam usaha menangani kemiskinan dan ketidaksamaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD
TARIKH : 23 MAC 2023**

DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi membangunkan Sekolah Kurang Murid (SKM) ke arah sekolah berdaya saing dengan sekolah elit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan (KPM) mendefinisikan Sekolah Kurang Murid (SKM) sebagai sekolah yang berenrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Data seperti pada 31 Januari 2023 menunjukkan terdapat 3,017 buah sekolah rendah yang mempunyai enrolmen 150 orang murid dan ke bawah yang menepati definisi SKM. Bilangan sekolah rendah ini tidak mengambil kira SK Pendidikan Khas, SK (Asli), Sekolah Model Khas, Sekolah Model Khas K9, dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Walau bagaimanapun definisi SKM ini tidak terpakai kepada sekolah menengah.

KPM telah mengenalpasti antara isu yang dihadapi di SKM adalah kesukaran untuk melaksanakan aktiviti kurikulum dan kokurikulum disebabkan enrolmen yang terlalu rendah. Keadaan ini turut mempengaruhi interaksi sosial dan daya saing sesama rakan sebaya berbanding sekolah harian biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM sedang melaksanakan beberapa strategi di bawah Pelan Hala Tuju SKM. Strategi tersebut ialah:

- (i) pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred;
- (ii) penggabungan SKM;
- (iii) pemindahan atau penempatan semula SKM; dan
- (iv) pengekatan SKM atas keperluan.

NO SOALAN: 27

Strategi pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dilaksanakan dengan melibatkan percantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3 dan Tahun 4 dengan Tahun 5 di sekolah berenrolmen 30 murid dan ke bawah.

Strategi penggabungan sekolah pula dilaksanakan dengan menggabungkan dua atau lebih sekolah yang sama jenis dalam lingkungan 5 kilometer. Walau bagaimanapun, penggabungan SKM dalam kawasan penempatan yang sama ini tertakluk kepada persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga secara majoriti. Bagi SKM yang tidak boleh digabungkan atau dipindahkan seperti SKM di kawasan pedalaman dan pulau, sekolah berkenaan akan dikekalkan demi memastikan kelangsungan pendidikan kepada murid yang tinggal di lokasi berkenaan.

Strategi pemindahan atau penempatan semula SKM ke lokasi baharudi kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi dilaksanakan bagi membantu untuk meningkatkan enrolmen SKM. Strategi ini dilaksanakan sekiranya SKM memenuhi kriteria seperti tapak baharu telah dikenal pasti dan persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga murid secara majoriti diperolehi.

NO SOALAN: 27

KPM berkeyakinan bahawa menerusi strategi yang telah digariskan dan dilaksanakan di bawah Pelan Hala Tuju SKM tersebut, isu SKM akan dapat ditangani dan sumber pendidikan yang dibekalkan oleh KPM dapat dioptimumkan serta dapat dimanfaatkan oleh murid. KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik seperti kebolehlaksanaan konsep sekolah komprehensif 9 atau K9 bagi memastikan aspirasi sistem pendidikan berkaitan akses, ekuiti dan kualiti yang dilaksanakan di semua institusi pendidikan termasuklah di SKM dapat direalisasikan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kemajuan terutamanya dari aspek penyelidikan dalam usaha membawa masuk penggunaan kanabis dalam bidang perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, secara amnya pengimportan produk (ubat) mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan penyelidikan atau percubaan klinikal adalah tertakluk kepada Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952. Akta-akta ini menetapkan pengimport perlu mempunyai lesen, pengecualian dan kebenaran tertentu yang dikeluarkan di bawah akta-akta tersebut.
2. Sehingga 8 Mac 2023, tiada permohonan lesen import percubaan klinikal (CTIL) atau kebenaran permit untuk mengilang untuk percubaan klinikal (CTX) diterima dan dikeluarkan di bawah akta-akta tersebut oleh KKM bagi pengimportan produk (ubat) mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan menjalankan percubaan klinikal di Malaysia.
3. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan amat mengalu-alukan sebarang penyelidikan dan percubaan klinikal ke atas produk mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan perubatan. Sekiranya produk tersebut telah dibuktikan secara saintifik boleh digunakan bagi merawat penyakit tertentu, pihak berkenaan boleh mengemukakan permohonan pendaftaran produk tersebut kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan seterusnya untuk dipasarkan di Malaysia.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, MARDI sedang menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Industri Cannabinoid Perubatan untuk melihat potensi pasaran kanabis perubatan di Malaysia.
5. Pada peringkat awal, kajian penerimaan pasaran dari perspektif pengguna dan pengamal perubatan professional telah dijalankan oleh pihak MARDI dengan bilangan responden 1,722 dan 200 orang masing-masing. Dapatan dari kajian ini menunjukkan 81% orang awam setuju jika kanabis dijadikan sebagai rawatan alternatif kerana ia dianggap sebagai ubatan yang tidak merbahaya. Manakala 74% pengamal perubatan professional setuju jika kanabis perubatan dipasarkan di Malaysia untuk kegunaan pesakit-pesakit tertentu dengan kawalan yang ketat dari kerajaan. Ini menunjukkan terdapat penerimaan yang baik dari kalangan orang awam dan pengamal perubatan professional berkaitan kanabis perubatan di Malaysia.
6. Kajian ini masih dijalankan sehingga April 2023 dan dapatan kajian akan dibentangkan oleh pihak MARDI bagi mempertimbangkan keperluan pasaran kanabis perubatan di Malaysia pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD
RADZI
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pendirian Kementerian dalam menjadikan Jabatan Pembangunan OKU sebagai satu jabatan tunggal serta apakah rancangan Kementerian dalam memperkasakan kebajikan OKU melalui Kementerian atau agensi lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pada masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak mempunyai perancangan untuk mengasingkan pengoperasian Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
2. Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] memperuntukkan penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang dipengerusikan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kebajikan masyarakat.
3. MKBOKU antara lain berfungsi menyelia, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan.
4. Di bawah MKBOKU, terdapat enam (6) jawatankuasa (JK) yang ditubuhkan seperti berikut:
 - i. JK *Quality Life Care* yang diurussetiakan Kementerian Kesihatan;
 - ii. JK Pendidikan yang diurussetiakan Kementerian Pendidikan;
 - iii. JK Pengangkutan yang diurussetiakan Kementerian Pengangkutan;
 - iv. JK Pekerjaan yang diurussetiakan Kementerian Sumber Manusia;
 - v. JK Pendaftaran OKU yang diurussetiakan JPOKU; dan

vi. JK Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina yang diurussetiakan JPOKU.

5. Setiap jawatankuasa yang ditubuhkan ini dianggotai pegawai pelbagai Kementerian serta Agensi Kerajaan dan wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) OKU pelbagai kategori ketidakupayaan.

6. Selain menjaga kebajikan golongan OKU, Kerajaan amat menitikberatkan penglibatan golongan OKU dalam masyarakat, antaranya melalui:

- i. Pelantikan seorang Ahli Dewan Negara bagi mewakili golongan OKU;
- ii. Pelantikan seorang OKU sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk membantu meningkatkan pencapaian satu peratus peluang pekerjaan OKU dalam sektor awam; dan
- iii. Semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] yang sedang dilaksanakan KPWKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hasil kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dari tahun 2019 sampai tahun 2022 berbanding dengan sasaran kutipan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kutipan hasil Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dari tahun 2019 hingga 2022 adalah sebanyak RM109.63 billion. Amaun ini adalah lebih tinggi berbanding dengan sasaran kutipan SST sebanyak RM108.97 billion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan tindakan punitif yang telah diambil terhadap salah laku seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Jabatan Audit Negara bagi setiap Kementerian dari tahun 2017 hingga 2022. Sejauh manakah langkah penambahbaikan yang telah dilakukan telah dapat mengurangkan kes-kes tersebut dari tahun ke tahun.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu Audit dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) disaring bagi menentukan sama ada memerlukan tindakan korektif atau tindakan punitif. Isu LKAN yang mempunyai elemen punitif dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Susulan Laporan Ketua Audit Negara (JSLKAN). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan panel tetap dari agensi pusat dan agensi penguat kuasa seperti SPRM dan PDRM. JSLKAN bertujuan untuk membincangkan dan menentukan tindakan susulan yang perlu di ambil sama ada tindakan penambahbaikan di peringkat kementerian/jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri atau tindakan punitif oleh agensi penguat kuasa atau agensi pusat yang berkenaan mengikut peruntukan undang-undang masing-masing terhadap isu punitif/*red flag* yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

2. Bagi LKAN Tahun 2017 sehingga LKAN Tahun 2021, mesyuarat JSLKAN telah membincangkan sebanyak 167 kajian audit dan memutuskan tindakan terhadap 419 isu punitif di peringkat kementerian (setakat pembentangan di Parlimen sehingga 16 Februari 2023 melibatkan LKAN Tahun 2021 Siri 2). Tindakan melibatkan penambahbaikan prosedur dan pembetulan di peringkat

kementerian/jabatan dan agensi atau tindakan punitif oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

3. Berdasarkan data hukuman tatatertib yang dikemas kini oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat 7 Februari 2023 menunjukkan seramai 1,072 pegawai awam telah disiasat. Daripada jumlah tersebut, seramai 310 penjawat awam telah dikenakan hukuman tindakan tatatertib.

4. Berdasarkan data tindakan di peringkat SPRM, sebanyak 33 isu punitif di peringkat kementerian telah diputuskan untuk siasatan lanjut atau tindakan di bawah peruntukan Akta SPRM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 isu telah diambil tindakan di mana sebanyak 2 isu dikenakan tindakan di mahkamah, 23 tidak mempunyai unsur kesalahan untuk diambil/dibuat tindakan/siasatan lanjut di bawah Akta SPRM manakala 4 isu disyorkan untuk tindakan penambahbaikan prosedur operasi standard.

5. Selain itu, berdasarkan data tindakan di peringkat PDRM, sebanyak 17 isu punitif di peringkat kementerian telah diputuskan untuk siasatan lanjut atau tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang ditentukan oleh PDRM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1 isu telah diambil tindakan mahkamah, 10 isu masih dalam siasatan dan baki 6 isu tidak mempunyai unsur kesalahan jenayah untuk dituduh/dijalankan siasatan lanjut oleh PDRM.

6. Pada masa sama, Jabatan Audit Negara turut melaksanakan tindakan susulan terhadap isu yang dilaporkan dalam LKAN melalui Auditor General's Dashboard (AGD) bagi memastikan penambahbaikan prosedur dan tindakan pembetulan berterusan dilaksanakan oleh auditi. Dari tahun 2012 sehingga 13 Mac 2023, sebanyak 11,071 isu Audit telah disusul oleh JAN dan dapat menyelesaikan sebanyak 10,427 isu (94%). Manakala sebanyak 644 isu (6%) masih disusul melalui AGD sehingga kini.

7. Langkah-langkah penambahbaikan prosedur dan tindakan siasatan lanjut adalah di bawah kawalan dan tanggungjawab pihak pengurusan Kementerian/Jabatan/Agensi dengan mewujudkan langkah-langkah pembetulan dan pencegahan bagi mengelakkan kelemahan berulang. Jabatan Audit Negara akan memantau pelaksanaan langkah penambahbaikan ini agar dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' KESAVADAS A/L A.
ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 23 MAC 2023**

DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk reformasi percukaian yang sedang distrukturkan yang berupaya mengurangkan kebergantungan Kerajaan terhadap cukai langsung yang dikenakan kepada rakyat tanpa menjejaskan pendapatan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2023, cukai langsung dijangka menyumbang sebanyak 56.3 peratus kepada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan yang dianggar berjumlah 291.5 bilion, berbanding 18.6 peratus sumbangan daripada hasil cukai tidak langsung dan 25.1 peratus daripada hasil bukan cukai. Sehubungan itu, hasil cukai langsung kekal sebagai penyumbang utama kepada sumber kewangan Kerajaan untuk membiayai agenda pembangunan negara. Namun begitu, Kerajaan sentiasa sedar mengenai kepentingan untuk melaksanakan reformasi percukaian bagi memastikan kemampanan kutipan hasil cukai jangka panjang negara dan keperluan untuk mengurangkan kebergantungan Kerajaan terhadap hasil berkaitan sumber asli yang bersifat kehabisan (*deplete*) khususnya hasil berkaitan petroleum.

Justeru, Kerajaan kekal komited dalam memperkukuh pengurusan hasil melalui beberapa inisiatif pembaharuan terutamanya penambahbaikan sistem percukaian sedia ada ke arah meningkatkan peratusan hasil cukai kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Tumpuan terus diberi kepada usaha untuk memperkemas pentadbiran cukai, mengurangkan ketirisan cukai dan menggalakkan pelaburan baharu untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan juga sedang mengkaji semula langkah untuk mengurangkan jurang cukai dan menambah baik kecekapan kutipan hasil cukai. Bagi tujuan tersebut, antara langkah utama adalah melaksanakan

kajian insentif cukai sedia ada untuk mengenalpasti herotan (*distortion*) dalam pengagihan sumber dan meningkatkan keberkesanan pemberian insentif, memperluas asas cukai untuk memperkukuh inklusiviti serta meningkatkan pematuhan cukai secara keseluruhan.

Selaras dengan hasrat tersebut, melalui pembentangan Belanjawan 2023, Kerajaan telah mengambil pendekatan lebih progresif dalam cadangan langkah cukai. Antara cadangan langkah baharu untuk meluaskan asas cukai kepada mereka yang mempunyai kemampuan di samping meningkatkan kutipan hasil adalah:

- (i) Meningkatkan kadar cukai pendapatan individu bagi mereka yang mempunyai pendapatan bercukai melebihi 230 ribu ringgit setahun. Semakan semula kadar cukai ini dianggap melibatkan kurang daripada 150 ribu pembayar cukai;
- (ii) Melaksanakan Cukai Barangan Mewah serta Cukai Keuntungan Modal ke atas jualan saham tidak tersenarai; dan
- (iii) Melaksanakan semula Program Pengakuan Khas Sukarela cukai langsung dan cukai tidak langsung di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Selaras dengan tekad “Keadilan Sosial untuk menyederhana kesenjangan”, semakan semula struktur percukaian pendapatan individu dalam Belanjawan 2023 juga dapat meningkatkan pendapatan boleh guna golongan M40 dan ke bawah. Pengurangan kadar cukai pendapatan sebanyak 2 mata peratusan ke atas 3 banjaran pendapatan bercukai (RM100 ribu dan ke bawah) dianggap memanfaatkan kira-kira 2.4 juta

pembayar cukai dengan lebih pendapatan boleh guna sehingga RM1,300 setahun.

Kerajaan turut mengumumkan beberapa inisiatif jangka panjang untuk meningkatkan tahap pematuhan dan kutipan hasil cukai, antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan aktiviti pendidikan cukai dan kesedaran cukai melalui seminar, taklimat, pengiklanan dan libat urus;
- (ii) Memberi tumpuan kepada tindakan penguatkuasaan yang lebih berfokus dengan tujuan untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan percukaian;
- (iii) Melaksanakan Sijil Pematuhan Cukai sebagai pra-syarat untuk syarikat dan pembekal yang ingin menyertai perolehan Kerajaan mulai 1 Januari 2023;
- (iv) Memberikan Nombor Pengenalan Cukai kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun secara automatik dan menetapkan penggunaannya bagi semua urusan di LHDNM seperti penyeteman dokumen rasmi;
- (v) Melaksanakan *e-Invoicing* bagi semua transaksi perniagaan untuk meningkatkan ketelusan cukai dan seterusnya menyokong negara ke arah pendigitalan pentadbiran cukai;
- (vi) Menggunakan teknologi *artificial intelligence* (AI) dan Big Data untuk mengumpul dan membuat padanan data, termasuk menggunakan cerapan tingkah laku untuk komunikasi lebih berkesan dengan pembayar cukai;
- (vii) Mewujudkan sistem pematuhan cukai yang direka bentuk menjadi satu platform yang menggalakkan dan mendorong pematuhan secara sukarela oleh pembayar cukai.

NO SOALAN: 32

Kerajaan juga terus memberi perhatian kepada penambahbaikan struktur cukai tidak langsung. Dalam hal ini, pengenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau *Goods and Services Tax* (GST) merupakan salah satu langkah jangka panjang untuk meningkatkan pendapatan negara. Namun begitu, pelaksanaan semula GST akan dipertimbangkan setelah pemulihan dan pertumbuhan ekonomi berada di landasan yang lebih kukuh serta mekanisme pelaksanaan GST telah dapat diperkukuh dan ditambahbaik berbanding mekanismesebelum ini. Hal ini penting supaya pelaksanaan semula GST berupaya mengurangkan impak negatif kepada golongan berpendapatan rendah dan tidak menjejaskan kecekapan operasi perniagaan.

Sehubungan itu, Kerajaan akan terus mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi mengkaji aspek pembaharuan sistem percukaian GST di samping mengenalpasti ruang untuk menambahbaik sistem dan struktur Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan atau *Sales and Services Tax* (SST) sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 23 MAC 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan keupayaan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermatlamat untuk melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan fasih dan yakin. Aspek penguasaan bahasa menjadi tumpuan penting dalam proses perubahan sistem pendidikan negara kerana pembentukan murid yang fasih dan yakin berbahasa mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka serta memaksimumkan peluang kerjaya dalam pasaran kerja dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah mengambil pelbagai usaha untuk meningkatkan keupayaan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bumiputera dan bukan bumiputera. Antaranya ialah:

1. Inisiatif seperti terkandung dalam Pelan Hala Tuju Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025.
2. Penggubalan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) untuk menyetarakan penguasaan dan pemerolehan bahasa Melayu dalam kalangan penutur. KSBM juga digunakan sebagai sandaran untuk membina instrumen kompetensi penguasaan bahasa Melayu bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam semua jenis bidang pekerjaan.
3. Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru bahasa Melayu agar dapat meningkatkan pengetahuan pedagogi guru seterusnya memberi impak kepada pelaksanaan PdP di dalam bilik darjah. Antara kursus peningkatan profesional guru ialah Kursus

Pembinaan Munsyi Dewan daripada DBP dan Munsyi Muda daripada INTAN.

4. Menerbitkan bahan rujukan, buku panduan dan pedoman bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh murid dan guru seperti Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Rendah Jilid 1-3 (2013) dan Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Menengah Jilid 1-3 (2016), kamus ekabahasa dan dwibahasa termasuklah Kamus Pelajar, Kamus Peribahasa Melayu-Mandarin (2015), Kamus Tamil-Melayu Dewan (2013), glosari istilah pelbagai bidang, ensiklopedia umum dan khusus, jurnal bahasa dan tesaurus.
5. Membangunkan Jendela DBP yang merupakan pelantar pusat sehentian digital yang menyebarkan maklumat berkaitan bahasa, sastera, penerbitan dan bidang lain termasuklah sains dan teknologi.

KPM yakin usaha yang dilakukan ini mampu meningkatkan keupayaan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RITA SARIMAH ANAK
PATRICK INSOL
TARIKH : 23 MAC 2023

PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan pesakit kelamin dan kategori umur pesakit-pesakit tersebut bagi bahagian Bintulu, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyakit kelamin yang wajib dinotifikasikan ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) ialah Syphilis, Gonorrhoea dan Chancroid.
2. Bilangan kes baru Syphilis yang dilaporkan di bahagian Bintulu, Sarawak pada tahun 2022 ialah 81 kes.
3. Untuk kes baru Gonorrhoea pula, 55 kes dilaporkan di bahagian Bintulu, Sarawak pada tahun 2022.
4. Pada tahun 2022, 79% kes baru Syphilis adalah daripada kategori umur 20 ke 49 tahun (41% daripada kategori umur 20-29, 28% daripada kategori umur 30-39, dan 10% daripada kategori 40-49), 14% kes baru berumur kurang daripada 20 tahun, dan 7% kes baru berumur 50 tahun ke atas.
5. Untuk Gonorrhoea pula, 82% kes baru adalah daripada kategori umur 20 ke 49 tahun (64% daripada kategori umur 20-29, 14% daripada kategori umur 30-39, dan 4% daripada kategori 40-49), 14% kes baru berumur kurang daripada 20 tahun, dan 4% kes baru berumur 50 tahun ke atas.

NO SOALAN: 34

6. Tidak ada kes Chancroid dilaporkan di bahagian Bintulu pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 23 MAC 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dan hala tuju baharu Kerajaan untuk memerangi krisis kemiskinan di bandar yang semakin memuncak dari semasa ke semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembasmian kemiskinan merupakan agenda utama Kerajaan dalam setiap Rancangan Malaysia semenjak Rancangan Malaysia Pertama sehingga sekarang di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Di bawah Bab 5 Rancangan tersebut, telah menggariskan inisiatif Kerajaan dalam menangani kemiskinan dan mengurangkan ketidaksamarataan khususnya di bawah strategi A4 bagi menangani kemiskinan di bandar. Sehubungan itu, selaras dengan persaingan globalisasi yang menekankan keupayaan sumber manusia atau modal insan, hala tuju Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menangani kemiskinan bandar adalah melalui latihan keusahawanan dan akses pendidikan serta memperbaiki kualiti hidup dengan menambah baik keadaan tempat tinggal isi rumah miskin bandar.

Kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak RM55 juta di bawah program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB), RM125 juta bagi program Baik Pulih Rumah di Bandar dan RM8 juta bagi program Bina Baharu Rumah di Bandar bagi menyokong usaha-usaha pembasmian kemiskinan di bandar. Program PEBK bertujuan untuk melatih dan memberikan latihan keusahawanan yang melibatkan golongan B40 di kawasan bandar supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup manakala program Baik Pulih Rumah dan Bina Baharu Rumah di Bandar bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa kepada Ketua Isi Rumah atau

Ahli Isi Rumah yang layak, bagi menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

Kerajaan berharap usaha-usaha ini akan membantu B40 di bandar meningkatkan pendapatan seterusnya keluar dari belunggu kemiskinan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUIING JELUING
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO DR. NUIING JELUING minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan proses dan perincian cadangan penurunan kuasa kesihatan kepada Sarawak. Adakah terdapat tempoh masa untuk proses ini berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti yang termaktub dalam Artikel 74, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, “perubatan dan kesihatan” terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, cadangan penurunan kuasa kesihatan kepada Kerajaan Sarawak sedang dalam peringkat pertimbangan melalui **Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendukung komitmen yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri iaitu untuk memenuhi amanah dan tanggungjawab yang telah dirintis oleh para pelopor awal pembinaan Malaysia seperti yang dimeterai melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Pada mesyuarat yang sama, YAB Perdana Menteri turut berpandangan bahawa skop rundingan kuasa autonomi ke atas isu kesihatan tidak semestinya melibatkan perundangan semata-mata kerana meskipun kesihatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, ianya boleh ditambah baik dengan koordinasi dan kerjasama erat dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak.
3. Pada masa ini, **Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak (BHES)** di **Jabatan Perdana Menteri** sedang menyelaras semua isu-isu berkaitan kuasa autonomi termasuk hal ehwal kesihatan daripada semua pihak terbabit. Hasil inisiatif ini akan dibentang pada Mesyuarat MTPMA Bil.2/2023 yang akan datang.

4. Oleh itu, KKM komited terhadap apa jua keputusan dan langkah yang diambil oleh Kerajaan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar yang tidak menyambung pengajian selepas SPM dari tahun 2018 hingga 2021 mengikut negeri dan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited melaksanakan pengesanan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bertujuan untuk mengumpul status murid selepas tamat persekolahan Tingkatan 5. Bagi tujuan tersebut, KPM telah menggunakan sistem eProfil Kerjaya Murid (ePKM). Berdasarkan sistem ePKM, seramai 55.05 peratus murid dilaporkan sedang menyambung pengajian di pelbagai institusi manakala 20.02 peratus yang sedang bekerja pada tahun 2018. Bagi tahun 2019 pula, seramai 65.23 peratus dilaporkan sedang menyambung pengajian di pelbagai institusi dan 25.85 peratus yang sedang bekerja. Manakala, bagi tahun 2020, seramai 64.80 peratus yang dilaporkan sedang menyambung pengajian di pelbagai institusi dan seramai 24.57 peratus sedang bekerja. Terkini, data sehingga 2 Februari 2023 menunjukkan seramai 50.3 peratus murid sedang menyambung pengajian di pelbagai institusi dan 30.8 peratus yang bekerja bagi lepasan SPM tahun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, selain daripada itu, Pentaksiran Psikometrik yang dilaksanakan oleh KPM melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah dapat membantu guru mengenal pasti kecenderungan, kebolehan, potensi dan personaliti, bakat dan juga membimbing murid tentang kecenderungan mereka ini untuk memilih kerjaya dan kemahiran yang dominan dalam diri mereka dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka selepas tamat persekolahan.

KPM turut mengambil pelbagai langkah untuk memberi pendedahan kepada murid berhubung laluan kerjaya serta pendidikan selepas tamat Tingkatan 5 seperti sesi bimbingan yang berfokus untuk memberikan maklumat yang terkini dan bersesuaian dengan kebolehan dan potensi murid.

Kedua, KPM menggalakkan murid-murid menyertai bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET). Saya menyambut saranan daripada Timbalan Menteri sebentar tadi dan saya ingin nyatakan bahawa di peringkat KPM mempunyai kebolehpasaran sebanyak 98 peratus dalam tempoh tiga tahun terkini bagi lulusan TVET.

KPM juga mengadakan pelbagai ceramah motivasi, bengkel kemahiran belajar, kursus pementapan jati diri, pameran dan karnival pendidikan kerjaya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi.

KPM juga mempunyai perkongsian-perkongsian hala tuju kerjaya melalui alumni sekolah, mengadakan hari kerjaya di sekolah dan mengadakan jaringan dan jalinan dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi bukan kerajaan seperti Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDCorp) yang membantu mencari peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menambah baik mutu perkhidmatan memandangkan kebanyakan hospital daerah mengalami masalah penyelenggaraan yang tidak teratur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerja-kerja penyelenggaraan di semua 148 buah hospital dan institusi termasuk hospital daerah dilaksanakan di bawah Program Penswastan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di mana satu Perjanjian Konsesi PSH di antara Kerajaan Malaysia dengan lima (5) syarikat konsesi yang dilantik telah berkuat kuasa pada 1 April 2015 dengan tempoh kontrak selama 10 tahun. Skop perkhidmatan PSH meliputi enam (6) perkhidmatan berikut:
 - a) *Facility Engineering Maintenance Services (FEMS)*;
 - b) *Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS)*;
 - c) *Cleansing Services (CLS)*;
 - d) *Healthcare Waste Management Services (HWMS)*;
 - e) *Linen and Laundry Services (LLS)*; dan
 - f) *Facilities Management Services (FMS)*

2. Bagi memastikan mutu dan kualiti kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan sentiasa berada di tahap terbaik, Kerajaan telah menetapkan standard dan piawaian di dalam Perjanjian Konsesi PSH yang perlu dipatuhi oleh kelima-kelima syarikat konsesi. Sebarang ketidakpatuhan syarikat konsesi dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut akan dikenakan tindakan pemotongan yuran perkhidmatan dan penalti yang secara langsungnya akan menjejaskan prestasi keseluruhan syarikat-syarikat konsesi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Memandangkan tempoh konsesi PSH berbaki dua (2) tahun dan akan tamat pada 31 Mac 2025, pihak Kerajaan sedang mengkaji dan mendapatkan input-input teknikal dan non-teknikal daripada pihak-pihak di lapangan bagi melaksanakan penambahbaikan kerja-kerja penyelenggaraan untuk tempoh konsesi akan datang di samping untuk memenuhi semua keperluan sokongan bukan klinikal di hospital dan institusi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan nilai ringgit terus kukuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prestasi nilai ringgit berbanding dolar AS sejak kebelakangan ini adalah sejajar dengan pergerakan mata wang serantau dan negara maju didorong oleh jangkaan kenaikan kadar faedah di AS.

Sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, nilai ringgit akan sentiasa dipengaruhi oleh kuasa pasaran. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Selain itu, pasaran dunia yang stabil, sentimen pelabur dan lebihan penerimaan pertukaran wang asing yang bertambah baik disokong oleh kegiatan ekonomi teras (*core economic activity*) negara dapat memperkukuhkan nilai ringgit. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus melaksanakan pembaharuan ekonomi bagi mengukuhkan asas ekonomi termasuk pembaharuan fiskal termasuk mengawal tahap keberhutangan negara dan konsolidasi defisit fiskal di samping juga dasar fiskal mengembang bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan pelaburan.

Pendekatan BNM tertumpu terhadap usaha bagi memastikan pelarasan ringgit adalah dalam keadaan teratur. Keadaan ini akan membantu rakyat dan perniagaan merancang serta melaksanakan keputusan perbelanjaan dan pelaburan dengan baik. Sementara itu, bagi menangani kemaruapan pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko-risiko dari perkembangan domestik dan luaran, serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi

memastikan keadaan pasaran yang teratur. Risiko daripada pergerakan mendadak nilai pertukaran ringgit berbanding dolar AS juga dikurangkan melalui penggunaan instrumen lindung nilai, pengambilan pinjaman luar yang dilakukan secara berhati-hati dan disokong oleh pasaran matawang domestik yang dalam.

Selain daripada langkah-langkah yang dinyatakan, Kerajaan juga terus memastikan kemampuan fiskal dan keadaan makroekonomi yang stabil terpelihara. Hal ini termasuk merumus dasar fiskal jangka sederhana yang teguh, berhemah dan jelas. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai dasar untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara. Perkara ini dijangka akan meningkatkan daya tarikan jangka panjang Malaysia kepada pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*) dan portfolio. Kerajaan juga terus komited dalam usaha melaksanakan dasr-dasar yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran dana yang akan meningkatkan rizab antarabangsa serta memperkukuhkan nilai ringgit.

Selaras dengan perkara tersebut, Malaysia kekal merekodkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan. Meskipun berhadapan kejutan luaran yang besar, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 8.7 peratus bagi keseluruhan tahun 2022. Pada tahun 2023, KDNK dijangka berkembang sekitar 4.5 peratus sejajar dengan prospek ekonomi global yang perlahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 23 MAC 2023**

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan:

- (a) bilakah Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Paya Bungor Kuantan Pahang akan mula beroperasi; dan
- (b) bilakah pula Pusat Latihan JAKOA di Kuala Terengganu, Terengganu akan mula mengambil pelatih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Berhad selaku agensi pelaksana dilantik serta Pegawai Penguasa (S.O) bagi projek Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Paya Bungor, Kuantan, Pahang telah meluluskan permohonan lanjutan masa sehingga 30 April 2023. Pusat Latihan tersebut akan beroperasi setelah Sijil Perakuan Siap (CPC) dikeluarkan oleh FELCRA Berhad dan Sijil Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Kuantan (MBK).

Peratus kemajuan fizikal terkini bagi projek ini adalah seperti berikut;

Perkara	Fasa 1	Fasa 2
Kemajuan Jadual	97 %	95 %
Kemajuan Sebenar	95 %	82 %

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JAKOA telah melantik FELCRA Berhad sebagai agensi pelaksana bagi projek Pembinaan Kompleks Pusat Transformasi Modal Insan Orang Asli (PUTRA ASLI) ini yang telah dilaksanakan secara Kaedah Reka dan Bina. Pihak FELCRA Berhad dalam tindakan melaksanakan pematuhan kehendak Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) bersama pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) yang dijangka diselesaikan pada bulan April 2023. Sebanyak tujuh (7) perjawatan di PUTRA ASLI telah diluluskan oleh JPA sejak 2020 dan sekarang semua penyandang menumpang di Pejabat JAKOA Negeri. Pengambilan pelatih seramai 60 orang akan dilaksanakan pada

NO SOALAN: 40

Mac 2024 bergantung pada sesi persekolahan tahun 2024 yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendapat Kementerian berkenaan dengan caj transaksi pengeluaran RM1 menerusi mesin pengeluaran wang automatik yang dikenakan bagi urusan ATM yang berlainan bank. Umum diketahui kebanyakan pengguna mesin ATM adalah warga berumur dan mereka yang tidak aktif menggunakan sistem transaksi elektronik. Adakah Kementerian bercadang untuk mendekati penyelesaian dalam perkara ini, termasuk meminta pihak berkaitan untuk memansuhkan bayaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengecualian caj RM1 yang telah diberikan kepada pengguna bermula pada 6 April 2020 merupakan inisiatif sementara bagi membolehkan orang ramai mendapatkan akses kepada wang tunai di ATM terdekat memandangkan kawalan pergerakan yang dikenakan.

Selaras dengan pelonggaran kawalan pergerakan dan pembukaan semua sektor ekonomi, pihak industri telah mengenakan semula caj tersebut bermula 1 Februari 2022 yang lalu memandangkan pengguna sudah boleh membuat pilihan samada untuk membuat pengeluaran di bank bank lain ataupun bank pemegang akaun di mana caj tidak dikenakan.

Caj transaksi RM1 hanya akan dikenakan semula bagi transaksi pengeluaran wang tunai yang dibuat di ATM (mesin juruwang automatik) bank-bank lain selain daripada bank pemegang kad / akaun.

Tiada caj dikenakan sekiranya transaksi pengeluaran wang dibuat di ATM bank pemegang kad / akaun itu sendiri. Selain itu, pemegang kad / akaun juga boleh mengeluarkan wang tunai tanpa caj melalui ejen bank pemegang kad / akaun tersebut. Kini, terdapat lebih daripada 4,000 rangkaian ejen bank, di seluruh negara.

NO SOALAN: 41

Pengguna juga mempunyai pilihan untuk menggunakan kaedah e-pembayaran alternatif seperti perkhidmatan pindahan atas talian DuitNow atau pembayaran e-dompet menggunakan kod QR, tanpa sebarang caj.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING
TARIKH : 23 MAC 2023

PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan murid-murid di Malaysia mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya di dalam ekonomi global yang kian berubah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dalam memastikan semua murid mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran ekonomi global.

KPM sentiasa memastikan pelaksanaan kurikulum menyasarkan enam aspirasi kemenjadian murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat global. Aspirasi ini sangat penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21 selain membolehkan mereka memberi sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM memperkenalkan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) iaitu unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang tidak hanya tertumpu pada satu mata pelajaran sahaja. Antara EMK yang diperkenalkan adalah bahasa, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), patriotisme, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pendidikan kewangan dan kelestarian global. EMK bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan, mempunyai keyakinan diri yang tinggi, berdaya cipta dan berdaya saing serta mampu menangani cabaran semasa dan masa hadapan.

Pembangunan sahsiah, pemupukan nilai berkeperibadian mulia dan semangat kewarganegaraan diberi tumpuan supaya pengajaran daripada peristiwa sejarah dapat dijadikan iktibar untuk membina jati diri yang kukuh. Murid dididik mempersiapkan diri untuk menghadapi keadaan yang tidak menentu dan meningkatkan kemahiran diri bagi mengatasi cabaran kehidupan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), 14 nilai universal diajar dan dipupuk dalam kalangan murid. Nilai-nilai ini dikembangkan lagi menjadi 18 nilai universal dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) iaitu pengenalan kepada nilai Berdikari, Harga Diri, Kebebasan, Patriotisme dan Rasional diajar kepada murid sebagai satu cara untuk menerapkan tingkah laku murid yang terpuji.

Selain itu, KPM turut melaksanakan pendidikan sivik bermula dari peringkat prasekolah. Pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, pendidikan sivik disepadukan dalam lima mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah yang menekankan nilai-nilai seperti kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan kegembiraan. Pelaksanaan kesemua elemen ini bagi membentuk warganegara yang mempunyai jati diri, berdaya tahan dan berkeperibadian Malaysia yang patriotik berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi global.

NO SOALAN: 42

Melalui pendidikan sains dan matematik, terdapat elemen yang mendidik murid untuk mengaplikasi konsep sains dan matematik dalam aktiviti berorientasikan penyelesaian masalah. Murid diterapkan dengan kemahiran berdaya tahan, berkomunikasi, berfikir, kerja sepasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan mengamalkan prinsip karamah insaniah.

KPM yakin langkah-langkah yang diambil dapat memastikan murid mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi global yang kian berubah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bilakah perluasan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) ke seluruh negara akan dilakukan dan apakah mekanisma lain dalam membantu golongan M40 yang masih dibelenggu masalah kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Ekonomi telah melancarkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) pada 26 Februari 2023. Di bawah IPR, sebanyak 3 inisiatif rintis telah diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara Kerajaan, rakyat dan rakan-rakan strategik melalui *whole-of-nation* approach merentasi ekosistem rantaian nilai dalam usaha menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan selaras Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) serta prinsip Ihsan dalam Malaysia MADANI.
2. Kementerian Ekonomi melalui kerjasama erat bersama pemegang taruh sedang giat mengambil tindakan untuk peluasan IPR ke seluruh negara dilaksanakan. Tindakan ini penting untuk memastikan segala proses, peraturan dan prosedur Kerajaan dipatuhi. Kerajaan yakin bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan ini akan membantu menarik penyertaan lebih ramai kumpulan sasar miskin tegar dan B40 sekaligus membantu usaha untuk menangani isu kemiskinan dan kesenjangan pendapatan yang membelenggu rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan turut memberi perhatian penuh kepada kumpulan M40 yang mengalami pertumbuhan pendapatan yang perlahan dan terdedah kepada peningkatan kos sara hidup yang tinggi. Sehubungan itu, antara usaha Kerajaan bagi membantu M40 termasuk mengariskan bidang keutamaan khusus kepada M40 dalam RMKe-12 dan Bajet 2023. Antara strategi untuk memberi sokongan kepada mereka adalah:

(a) Meningkatkan pendapatan M40.

- i. YAB Menteri Kewangan dalam pembentangan Bajet 2023 pada 24 Februari 2023, Kerajaan bersetuju menambah pendapatan boleh guna M40 melalui pengurangan kadar cukai pendapatan individu. Kadar cukai pendapatan individu pemastautin dikurangkan sebanyak 2% melibatkan setiap banjaran pendapatan lebih RM35,000 hingga RM100,000. Pengurangan ini dijangka dapat memberikan kira-kira 2.4 juta pembayar cukai dengan lebihan pendapatan boleh guna sehingga RM1,300.
- ii. Pengurangan cukai daripada 17% kepada 15% ke atas pendapatan bercukai bagi RM150,000 pertama kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).
- iii. Dana pembiayaan PMKS juga disediakan merangkumi pinjaman langsung, pembiayaan alternatif dan jaminan pembiayaan sebanyak RM40 bilion.
- iv. Meningkatkan had pelaburan individu ASB dan ASB2 daripada RM200,000 kepada RM300,000 dan saiz dana Amanah Saham Malaysia (ASM) kepada sebanyak RM5 bilion.

- (b) Menambah baik akses kepada pendidikan bagi bantuan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
- i. Bantuan awal persekolahan sebanyak RM150;
 - ii. Lanjutan pelepasan cukai sehingga RM3 ribu bagi menghantar anak ke TASKA atau TADIKA sehingga tahun taksiran 2024.
4. Di samping itu, bagi meminimumkan beban sara hidup termasuk kepada golongan M40, RM65 bilion diperuntukkan dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif. Kerajaan percaya bahawa inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu M40 yang masih dibelenggu masalah kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 23 MAC 2023**

DATO' HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini berkenaan pembayaran Dana Khas Petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Ucapan Belanjawan 2023 oleh YAB Menteri Kewangan pada 24 Februari 2023, Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan merangka semula dasar dan skop penggunaan Wang Ehsan kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu supaya penggunaan dana tersebut dapat diselaraskan dengan agenda nasional bagi mengurangkan tahap kemiskinan untuk kedua-dua negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Penyaluran Wang Ehsan / Bayaran Tunai hasil petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu merupakan budi bicara Kerajaan Persekutuan dan disalurkan daripada Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mengembalikan semula takwim persekolahan pada masa ini yang berakhir pada awal tahun dan bermula semula awal tahun kepada takwim asal bagi memudahkan pengurusan sistem persekolahan oleh pihak sekolah dan ibu bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan sesi persekolahan bagi Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 bermula dari 19 Mac 2023 hingga 9 Mac 2024 bagi sekolah di negeri Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan pada 20 Mac 2023 hingga 10 Mac 2024 bagi sekolah di negeri Kumpulan B (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya).

Pembukaan sesi persekolahan dikekalkan pada bulan Mac 2023 adalah bagi memastikan KPM mematuhi Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggaj, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 yang menetapkan bahawa jumlah hari persekolahan dalam kalendar akademik hendaklah tidak kurang daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari.

KPM akan meneliti cadangan untuk mengembalikan semula kalendar akademik persekolahan bermula pada Januari seperti sebelum ini. Walau bagaimanapun, perkara berkenaan masih belum boleh dilaksanakan tahun hadapan memandangkan perlu menyelesaikan pelbagai justifikasi berdasarkan kepada pematuhan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Perubahan semula kalendar akademik persekolahan juga perlu mengambil kira faktor ekonomi setempat dan banjir pada hujung tahun, selain tidak mengganggu jadual peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Selain daripada itu,

NO SOALAN: 45

KPM juga perlu mengambil kira faktor cuaca yang tidak menentu dan ekonomi setempat.

KPM sentiasa melihat kepada keperluan dan kesesuaian penyediaan kalendar akademik untuk tahun seterusnya bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan jangka masa panjang pihak Kementerian dalam merencana dasar pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang komprehensif dan tidak merugikan negara dari sudut pembangunan ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian adalah komited dalam membangun dan melaksana dasar dan pelan tindakan bagi memelihara dan memulihara alam sekitar yang turut menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

Kementerian sedia maklum bahawa langkah-langkah dan tindakan yang dilaksanakan di bawah dasar-dasar kerajaan bagi mengurangkan kemerosotan dan kerosakan alam sekitar dalam aktiviti ekonomi di anggap berisiko menyebabkan peningkatan kos dan kehilangan dari segi pengeluaran dan penggunaan. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, dasar-dasar ini bukan sahaja tidak merugikan ekonomi, sebaliknya berpotensi bagi membuka ruang dan peluang baharu bagi pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kebolehan bersaing industri negara serta menyokong kesejahteraan hidup dan pembangunan sosioekonomi.

Oleh itu, terdapat beberapa pendekatan jangka masa panjang yang diambil bagi menerokai dimensi ekonomi dalam merancang dan membangunkan dasar serta pelan tindakan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pertama, bagi membangunkan dasar yang komprehensif, Kerajaan menekankan tadbir urus yang baik melalui pendekatan keseluruhan negara atau *whole-of-nation*. Melalui pendekatan ini, pembangunan dasar adalah berteraskan penglibatan aktif kesemua pemegang taruh berkepentingan terdiri daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan

negeri, pihak swasta, academia, pertubuhan awam dan masyarakat setempat.

Kedua, Kementerian menekankan kepada peralihan yang adil atau *just transition* bagi industri dan sektor swasta dalam beralih kepada amalan ekonomi yang melindungi alam sekitar dengan mengambil kira ketersediaan industri dan keadaan nasional (*national circumstances*). Pelaksanaan ke arah ini adalah secara berperingkat dan berfasa bermula dengan tindakan sukarela (*voluntary*) sebelum beralih kepada mandatori. Bagi tujuan ini, pihak swasta dan industri dilibatkan secara aktif melalui kolaborasi dan kerjasama strategik bagi memastikan input industri ditekankan dalam dalam pembangunan dasar dan pelan tindakan Kementerian.

Ketiga, mengintegrasikan elemen perlindungan alam sekitar dalam perancangan pembangunan ekonomi. Pendekatan bersifat mampan ini dapat mewujudkan peluang pembangunan sosio-ekonomi baharu kepada masyarakat setempat termasuk orang asal seperti ekopelancongan perkhidmatan alam sekitar (*environment services*) dan pada masa yang sama melindungi alam sekitar, biodiversiti dan sumber semula jadi.

Pendekatan ini juga merangkumi perancangan menghijaukan ekonomi melalui penerapan amalan dan teknologi hijau dalam industri termasuk peningkatan penggunaan tenaga dari sumber boleh baharu, kecekapan penggunaan tenaga dan sumber air, kemampuan pengurusan sumber semula jadi, dan pengurangan pelepasan karbon. Pendekatan ini dijangka akan memacu ekonomi melalui pengeluaran produk hijau, peningkatan peluang pekerjaan hijau, pelaburan hijau serta persaingan di pasaran antarabangsa.

Keempat, penerapan komitmen antarabangsa dalam pembangunan dasar dan pelan tindakan bagi memastikan hala tuju negara yang selari dengan hala tuju antarabangsa serta menyokong usaha-usaha pembangunan lestari di peringkat global.

Kelima, menggalakkan usaha-usaha penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) dan penggunaan pengetahuan tradisional dalam menghasilkan penyelesaian berasaskan sains dan alam semulajadi (*science-based* dan *nature-based solutions*).

Pada masa ini, pendekatan-pendekatan tersebut telah diterapkan dalam dasar-dasar dan pelan tindakan Kementerian sedia ada yang mensasarkan kemampanan bekalan elektrik dan air, pengurusan alam sekitar dan pengurusan plastik, pengurusan sumber asli, industri mineral, serta pengurusan hutan dan biodiversiti. Pendekatan ini akan dipertingkatkan, ditambah baik dan diteruskan bagi pembangunan dan semakan semula dasar-dasar dan pelan tindakan Kementerian akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kesediaan Kementerian bagi menyalurkan peruntukan bagi pembinaan Jalan Raya Syed Saffi, Kangar-Jalan Tebing Tinggi Bintong, Jalan Batu Dua Lama ke Jalan Sg Batu Pahat, Bintong, Jalan Dato' Ali-Jalan Bukit Tok Poh, Kuala Perlis, Jalan Dato' Wan Ahmad dan Persiaran Wawasan Kangar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Jalan Persiaran Wawasan Kangar adalah Jalan Persekutuan dengan kod laluan FT262.

Kementerian ini telah menerima permohonan Menaiktaraf Laluan FT262, Jalan Persiaran Wawasan (Seksyen 0.00 - 1.80), Kangar, Perlis daripada Kerajaan Negeri Perlis bagi Rolling Plan 4 (RP 4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Kementerian ini akan meneliti cadangan projek tersebut dan akan diangkat untuk pertimbangan Agensi Pusat tertakluk kepada keutamaan projek serta ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

Manakala bagi Jalan Raja Syed Saffi (R102), Kangar ke Jalan Tebing Tinggi Bintong (R109), Jalan Batu Dua Lama ke Jalan Sg Batu Pahat Bintong (R11), Jalan Dato' Ali ke Jalan Bukit Tok Poh, Kuala Perlis (R100) dan Jalan Dato' Wan Ahmad (R10) adalah jalan Negeri dan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam memastikan isu guru duka lara dapat dicapai secara menang-menang dan dikurangkan tempoh pertukaran daripada tiga tahun kepada enam bulan atau satu tahun bagi tempoh pertukaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam memastikan kebajikan guru diberi keutamaan tanpa menjejaskan pengajaran dan pembelajaran murid.

Bagi mengatasi isu permohonan pertukaran guru ini, KPM telah membuat penambahbaikan ke atas Modul Pertukaran Guru (eGTukar) dan kaedah memproses pertukaran guru dengan menyediakan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 7/2021 Pelaksanaan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional bersama-sama dengan Garis Panduan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional berkaitan permohonan pertukaran guru yang berkuat kuasa mulai Januari 2022. Garis panduan tersebut menjelaskan Dasar Pertukaran Guru yang akan digunakan sebagai rujukan kepada pelaksanaan permohonan pertukaran guru yang dibuka sepanjang tahun mulai tahun 2022.

Prinsip asas pertukaran guru adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di sesebuah negeri atau daerah yang dimohon. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga memaklumkan kepentingan dan keperluan perkhidmatan turut diambil kira dalam menguruskan pertukaran guru, terutamanya bagi guru yang mengajar mata pelajaran khusus atau memerlukan kelayakan khas.

NO SOALAN: 48

KPM sentiasa memberi keutamaan kepada permohonan pertukaran yang melibatkan permohonan daripada kategori pasangan berjauhan. Bagi setiap sesi pertukaran, kategori pasangan berjauhan adalah merupakan peratus kelulusan tertinggi berbanding lain-lain kategori. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, statistik permohonan pertukaran guru bagi kategori pasangan berjauhan yang telah diluluskan dari 2016 hingga 2022 adalah seramai 20,003 iaitu bersamaan dengan 52.7 peratus daripada 37,941 jumlah kelulusan keseluruhan pertukaran guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, guru yang berkhidmat kurang tahun tahun di negeri semasa layak membuat permohonan pertukaran sekiranya berada dalam kategori kesihatan (menghidap penyakit yang memerlukan rawatan perubatan berterusan dan bergantung kepada ubat-ubatan), kategori keselamatan (menerima ancaman keselamatan) dan kategori pasangan berjauhan (tinggal berjauhan atas Arahan Pertukaran pasangan) dengan melampirkan dokumen sokongan yang berkaitan.

KPM yakin dengan penambahbaikan kaedah dan sistem pertukaran guru sedia ada ini, proses pertukaran guru dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan baru terhadap Kerajaan China yang juga merupakan rakan dagang terbesar negara terhadap pencerobohan kedaulatan dan hak persempadanan negara Malaysia supaya insiden seperti ini tidak berlaku lagi.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif berikutan tuntutan-tuntutan bertindih antara negara-negara penuntut (dengan izin, *Claimant States*). Dalam mengendalikan isu pencerobohan di Laut China Selatan, Malaysia tetap tegas dan tiada kompromi dalam komitmen untuk mempertahankan keselamatan dan hak kedaulatannya. Dalam hal ini, Malaysia komited untuk menyelesaikan isu-isu Laut China Selatan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai.

3. Kerajaan menyuarakan pendirian atau mengemukakan bantahan kepada negara-negara yang berkaitan terhadap pencerobohan yang berlaku di perairan Malaysia, dalam platform-platform berkaitan. Tindakan tersebut juga adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia yang mempertahankan hak tuntutan perairan negara daripada sebarang pencerobohan.

4. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Nota Bantahan Diplomatik merupakan salah satu kaedah di mana Malaysia menyuarakan bantahan atau pendirian kepada negara asing berhubung sesuatu isu spesifik dan bukanlah suatu mekanisme penyelesaian pertelingkahan, atau dengan izin "*dispute settlement*". Ia juga adalah penegasan bertulis bahawa Malaysia tidak mengiktiraf tuntutan dan membantah tindakan oleh mana-mana negara penuntut, termasuk Republik Rakyat China.

5. Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menyebabkan insiden yang tidak diingini berlaku atau meningkatkan ketegangan di kawasan perairan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, memandangkan isu Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif berikutan tuntutan-tuntutan bertindih antara negara-negara penuntut, ia perlu dikendalikan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Sehubungan itu, penting bagi Malaysia untuk terus menjalinkan dan mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain, termasuk negara-negara penuntut Laut China Selatan lain bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

7. Antara langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Selaras dengan persefahaman di bawah DOC tersebut, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, “*self-restraint*” dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Laut China Selatan, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

8. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan, dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

9. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang sedang dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah levi HRD Corp yang telah dikembalikan kepada majikan pada tahun 2022

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhan, **jumlah kutipan levi** pada **tahun 2022** ialah sebanyak **RM1,811.01 juta** dan jumlah levi dikembalikan kepada majikan adalah sebanyak **RM974.86** iaitu **54 peratus** daripada jumlah keseluruhan. Jumlah yang dikembalikan ini ialah merupakan jumlah geran bantuan kewangan yang diluluskan pada tahun 2022 yang melibatkan **1,497,264 tempat latihan yang diluluskan** bagi mengikuti latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran.

2. Selain itu, perluasan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 pada Mac 2021 juga membolehkan pekerja-pekerja di semua sektor mendapat akses kepada dana latihan menerusi caruman levi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM
TARIKH : 23 MAC 2023

TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah formula untuk memulihkan ekonomi telah ditemui dan bilakah pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, COVID-19 sememangnya telah memberi impak yang cukup besar kepada negara kerana krisis kesihatan dan ekonomi perlu ditangani serentak dan segera. Oleh itu, pelbagai langkah telah diambil Kerajaan untuk memulih dan merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi negara. Pemulihan ekonomi boleh dilihat menerusi prestasi keluaran dalam negeri kasar (KDNK) yang kembali mencatat pertumbuhan positif bagi tahun 2021. Pada tahun 2022 pula, pertumbuhan ekonomi telah melonjak kepada 8.7% yang menunjukkan pemulihan ekonomi yang berterusan dan mencerminkan daya tahan ekonomi negara.
2. Bagi tahun 2023, ekonomi negara dijangka berkembang sekitar 4.5% dengan mengambil kira risiko persekitaran luar yang lebih mencabar. Walaupun KDNK pada tahun 2023 dianggar lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, namun pembukaan semula negara China baru-baru ini dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan akan mendorong kepada pemulihan yang lebih cepat bagi sektor berkaitan pelancongan.
3. Walaupun ekonomi negara telah menunjukkan pemulihan dan secara keseluruhannya telah melepasi tahap pra-pandemik, namun situasi persekitaran global yang tidak menentu menjadi cabaran utama kepada pengukuhan daya tahan ekonomi negara. Cabaran ini, termasuklah konflik Rusia-Ukraine, gangguan rantai bekalan global, kenaikan inflasi dan ketidaktentuan dasar monetari. Negara turut

berhadapan dengan beberapa isu domestik seperti peningkatan harga barang, penyusutan nilai ringgit, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang terhad serta beberapa isu struktur ekonomi yang masih berlarutan.

4. Pada masa ini, Kerajaan memberi tumpuan kepada tiga perkara utama, iaitu mengukuhkan kedudukan fiskal negara melalui peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan, mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu dan melaksanakan reformasi struktur ekonomi. Penekanan akan diberi untuk mereformasi struktur ekonomi ke arah rantai nilai yang lebih tinggi bagi mengukuhkan pertumbuhan serta meningkatkan daya saing dan produktiviti dalam semua sektor.
5. Tumpuan akan diberi kepada sumber pertumbuhan baharu daripada sektor strategik yang dapat mempercepatkan kemasukan pelaburan baharu. Sumber ekonomi akan ditumpukan untuk membina keupayaan teknologi 4IR yang berupaya menyokong perluasan dan pengoptimuman teknologi 4IR, iaitu kecerdasan buatan, internet benda, blockchain, pengkomputeran awan dan analitis data raya serta bahan dan teknologi termaju. Industri sedia ada akan digalakkan untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) serta penggunaan teknologi dan pendigitalan.
6. Selain itu, industri yang mementingkan alam sekitar seperti kereta elektrik dan tenaga boleh diperbaharui, termasuk tenaga solar dan teknologi bateri akan turut diberi perhatian. Penyertaan Malaysia dalam *Asia Zero Emission Community* baru-baru ini dijangka dapat

membuka peluang kepada negara untuk mempercepat pemindahan teknologi dan pembiayaan hijau. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga untuk menterjemahkan Dasar Tenaga Negara kepada projek peralihan tenaga sedang dimuktamadkan. Penekanan akan turut diberi kepada sumber pertumbuhan yang berpotensi seperti sektor berasaskan pertanian dan komoditi, terutamanya pertanian pintar dan biojisim serta sektor berkaitan pelancongan.

7. Sektor swasta akan terus dipacu sebagai rakan pembangunan dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan pelaburan yang berkualiti dan berteknologi tinggi. Invest Malaysia Council dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) akan menerajui usaha mempercepat kelulusan projek yang berpotensi tinggi. Pelaburan akan ditumpukan kepada jentera dan peralatan, terutamanya ICT bagi mempercepat pendigitalan. Kerajaan juga akan memberi penekanan kepada pelaburan bagi industri berimpak tinggi yang dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan turut diperkasa sebagai pemacu pertumbuhan melalui pendigitalan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan ekonomi negara kekal kukuh, berdaya tahan dan mampan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Pada masa ini, Kerajaan sedang merangka Kajian Separuh Penggal, RMKe-12 yang dijangka akan dibentang di Dewan yang mulia ini pada bulan Oktober 2023. Semakan semula ini perlu bagi memastikan perancangan ekonomi

NO SOALAN: 51

kekal relevan dengan keadaan ekonomi semasa yang kerap berubah. Usaha pemulihan ekonomi telah dilaksanakan secara berterusan dan perancangan ekonomi negara sememangnya turut mengambil kira model dan analisis ekonomi bagi memastikan matlamat negara berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan dapat dicapai selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUIING JELUING
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO DR. NUIING JELUING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kemajuan menurunkan kuasa pendidikan ke Sarawak pada masa ini. Apakah cabaran utama yang berkaitan dengan penurunan kuasa dan pelaksanaan kuasa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, secara prinsipnya, hal ehwal pendidikan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah senarai 13 Jadual Kesembilan dalam perlembagaan persekutuan. Atas semangat itu, maka Dasar Pendidikan Kebangsaan, Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] dan peraturan-peraturan di bawahnya menjadi pegangan dan rujukan dalam menjalankan Sistem Pendidikan Kebangsaan di negara ini. Oleh yang demikian, semua kuasa-kuasa yang perlu dalam mengendalikan sistem pendidikan kebangsaan telah dinyatakan secara jelas di dalam Akta 550 tersebut.

Penambahbaikan dalam pendidikan di negeri Sarawak sentiasa diperkukuhkan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan lima aspirasi sistem pendidikan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK SERI HAJJAH ZURAINAH
BINTI MUSA**
TARIKH : **23 MAC 2023**

DATUK SERI HAJJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang sedang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk memastikan keselamatan pelaburan mata wang kripto oleh rakyat terjamin memandangkan pada waktu ini terdapat pelbagai berita melaporkan kegagalan syarikat pengurusan mata wang kripto.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan minat orang ramai yang mendalam terhadap aset digital sebagai satu instrumen pelaburan dan untuk membolehkan inovasi aset digital diperkembangkan lagi di dalam pasaran modal, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memperkenalkan rangka kerja undang-undang bagi penawaran dan dagangan aset digital melalui Bursa Aset Digital (DAX) pada tahun 2019. Rangka kerja ini menyediakan struktur sistematik untuk dagangan aset digital dan mengambil kira kepentingan pelabur Malaysia dalam pendedahan kepada kelas aset baharu ini. Rangka kerja ini juga memastikan integriti dan piawaian layak dan sesuai dipenuhi.

Pada masa ini, pihak SC hanya telah mendaftarkan 4 pengendali platform bagi dagangan mata wang kripto selain meluluskan 9 jenis mata wang kripto yang boleh didagangkan di platform-platform tersebut. Antara lain, pengendali platform ini adalah tertakluk kepada kehendak penzahiran kepada SC dan para pelabur, kehendak memastikan aset pelabur adalah dilindungi dan lain-lain kehendak berterusan (*ongoing obligations*) yang perlu dipatuhi.

Daripada penilaian awal, tiada kesan material daripada isu kegagalan syarikat pengurusan mata wang kripto antarabangsa kepada pasaran aset digital di Malaysia.

NO SOALAN: 53

Walau bagaimanapun, pihak SC mengambil maklum akan perkembangan semasa pasaran kripto dan telah mengambil langkah sewajarnya bagi memantau impak dan kesannnya kepada pelabur tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM
TARIKH : 23 MAC 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM minta **MENTERI KESIHATAN** mengulas mengenai bilakah negara ini akan keluar dari fasa endemik memandangkan hampir setahun pengumuman fasa endemik telah diumumkan dan adakah akan ada lagi fasa-fasa tertentu selepas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Pada 1 April 2023, akan genaplah setahun Malaysia dalam fasa Peralihan ke Endemik setelah hampir empat tahun bergelut dengan COVID-19. Walaupun dunia belum diisytiharkan memasuki fasa endemik, seperti negara lain, Malaysia juga tidak terkecuali dengan mengambil keputusan untuk melonggarkan sekatan berkaitan wabak itu.

2. Sesi Mesyuarat Ke-14 Jawatankuasa Kecemasan *International Health Regulations* (2005) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 27 Januari 2023 telah memutuskan bahawa COVID-19 masih merupakan suatu *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC). Namun begitu, pengurusan COVID-19 telah bertambah baik seiring dengan perkembangan semasa walaupun dengan kemunculan varian baharu. Beberapa perkara sebagaimana berikut harus diberi keutamaan dalam memastikan kesinambungan kelangsungan hidup bersama virus SARS-CoV-2 iaitu:
 - (i) mengurangkan kemasukan ke hospital dan kematian ke tahap yang paling rendah, dan sistem kesihatan mampu mengurus COVID-19 secara bersepadu dan mampan;

 - (ii) memastikan golongan berisiko mendapat liputan vaksinasi secara menyeluruh;

- (iii) pemberian ubat antiviral kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi;
- (iv) memperkukuh perkhidmatan makmal dan bersedia sekiranya berlaku peningkatan kes yang mendadak; dan
- (v) menangani kesalahfahaman maklumat (*misinformation*) secara sistematik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

- 3. Sebarang pengumuman untuk peralihan ke fasa yang seterusnya adalah bergantung kepada WHO selaku agensi antarabangsa yang bertanggungjawab dalam tadbir urus kejadian pandemik ini.
- 4. Terkini, situasi COVID-19 di Malaysia adalah terkawal dimana keadaan jangkitan harian COVID-19 dalam negara yang stabil, kadar vaksinasi dos primer dan dos penggalak pertama yang tinggi, serta kes-kes jangkitan yang teruk serta kadar *bed occupancy* di hospital yang rendah.
- 5. Meskipun Malaysia berjaya mengawal pandemik COVID-19, kita harus menerima hakikat dan bersedia serta mengambil langkah sewajarnya untuk hidup bersama virus ini. Langkah ini bagi membolehkan pelbagai sektor di dalam negara dapat beroperasi secara optimum dan kehidupan rakyat kembali seperti sedia kala walaupun risiko jangkitan COVID-19 masih boleh berlaku. Rakyat juga perlu sentiasa melakukan kawalan kesihatan sendiri, memakai pelitup muka mengikut keperluan yang dikenal pasti dan

NO SOALAN: 54

mendapatkan vaksin seperti disyorkan oleh Kerajaan. Usaha untuk melakukan perubahan kepada tingkah laku dan mengamalkan tatacara kesihatan yang diperlukan secara bertanggung jawab oleh anggota masyarakat secara keseluruhannya, dapat memastikan negara melalui proses peralihan fasa yang seterusnya dengan selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 23 MAC 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kesalahan pilihan raya yang melibatkan isu integriti dan rasuah serta tindakan yang telah diambil tindakan dan pendakwaan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menerima sebanyak 80 maklumat berkaitan Pilihan Raya Umum ke-15. Walau bagaimanapun, tidak semua maklumat yang diterima akan dibuat siasatan kerana siasatan hanya akan dijalankan sekiranya maklumat tersebut didapati mempunyai unsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Siasatan yang dijalankan oleh SPRM adalah berdasarkan penguatkuasaan undang-undang dan pembuktian kesalahan.

2. Buat masa ini, 4 fail siasatan telah dibuka oleh SPRM. Kesemua fail tersebut masih dalam tindakan siasatan. Justeru, pihak SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut.

Sekian, terima kasih.